

# Kesusasteraan Melayu (922)

## PRESTASI KESELURUHAN

Sebanyak 7522 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini pada tahun 2012. Peratusan calon yang lulus penuh dalam mata pelajaran ini pada tahun 2012 ialah 65.43%, iaitu menurun 0.67% berbanding dengan 66.10% pada tahun 2011.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	5.38	4.15	6.77	9.20	11.55	14.93	13.45	8.73	10.11	5.40	10.33

## RESPONS CALON

### KERTAS 922/1 (KESUSASTERAAN MELAYU TRADISIONAL)

#### *Komen am*

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon bagi kertas ini pada tahun ini adalah sederhana. Secara umum, jawapan calon dapat dipecahkan kepada tiga kelompok, iaitu lemah, sederhana, dan baik. Kelompok pertama terdiri daripada jawapan yang terpesong daripada kehendak soalan. Kelompok kedua terdiri daripada jawapan yang ada fakta dengan huraian yang kurang lengkap. Kelompok ketiga terdiri daripada jawapan yang berstruktur; ada fakta, huraian, dan contoh.

Kelemahan yang ketara adalah pada soalan yang menggunakan tugas perbincangan. Calon didedahkan dengan soalan yang memerlukan format jawapan secara berstruktur yang menepati sebuah esei yang menghendaki adanya pengenalan, isi, dan penutup. Namun begitu, pendedahan soalan dan format sebegini merupakan sesuatu yang sangat baik untuk menjadikan calon lebih matang dalam berfikir dan mengemukakan hujah.

#### *Komen soalan demi soalan*

#### **Bahagian A: Sejarah Kesusasteraan Melayu Tradisional**

##### **Soalan 1**

Soalan ini berdasarkan pernyataan bahawa cerita teladan dalam kesusasteraan Melayu tradisional bertujuan untuk memberi pengajaran. Soalan ini menghendaki calon membincangkan pernyataan tersebut. Terdapat calon yang mengemukakan jawapan yang berstruktur dan mengemukakan hujahan yang bernas yang disertakan contoh yang tepat. Namun begitu, terdapat juga kelemahan dalam jawapan sebilangan calon. Mereka tidak faham akan maksud cerita teladan atau keliru dengan cerita rakyat lain. Antara jawapan yang sepatutnya adalah memberi pengajaran supaya berakhlak, supaya masyarakat dapat melaksanakan tanggungjawab, supaya menjauhi perbuatan yang tidak baik, supaya mewujudkan kehidupan yang sejahtera, supaya masyarakat berfikir sebelum bertindak, supaya masyarakat tidak menjadi orang yang menderhaka, dan supaya tidak membunuh diri apabila ada masalah.

## Soalan 2

Soalan ini berdasarkan pernyataan bahawa Sheikh Daud al-Fatani merupakan tokoh yang menguasai pelbagai bidang ilmu dalam sejarah kesusasteraan Melayu tradisional. Soalan ini menghendaki calon membincangkan pernyataan tersebut. Soalan ini juga memerlukan pengetahuan calon yang khusus terhadap tokoh tersebut. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah latar belakang tokoh tersebut dan bidang ilmu yang dikuasainya, termasuk bidang Usuluddin, Fiqah, Tasawuf, Hadis, Sejarah, dan Kesusasteraan.

## **Bahagian B: Karya Agung Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)**

### Soalan 3

Soalan ini terbahagi kepada tiga bahagian berdasarkan petikan daripada teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menamakan permaisuri Pahang. Kebanyakan calon dapat mengemukakan Tun Teja sebagai jawapan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menjelaskan teknik penulisan yang digunakan oleh pengarang dan menerangkan fungsi penggunaan teknik tersebut berdasarkan petikan. Kebanyakan calon dapat menjelaskan teknik dialog dan monolog dalaman sebagai jawapan. Kebanyakan calon juga dapat menerangkan fungsi teknik tersebut, seperti memberi ruang, menghidupkan suasana, dan sebagainya.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menghuraikan kesan daripada peristiwa yang terdapat dalam petikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan dengan baik. Mereka berupaya mengemukakan fakta, huraian, dan contoh. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah Tun Mutahir tidak patuh akan aturan negeri, difitnah hendak merampas kuasa, Sultan Mahmud Syah menyimpan dendam terhadap Tun Mutahir, dan Tun Fatimah menjadi isteri Sultan Mahmud Syah.

### Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon membincangkan konsep raja, kerajaan, daulat, tulah, dan derhaka yang terdapat di Melaka sebagaimana yang tergambar dalam *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Terdapat sebilangan jawapan calon yang menyempurnakan tugas dengan baik dan mengemukakan jawapan berstruktur. Namun begitu, sebilangan besar jawapan calon tersasar kerana mereka tidak faham akan konsep berkenaan walaupun kedengarannya agak mudah. Antara jawapan yang sepatutnya bagi konsep raja ialah orang yang memerintah sesebuah negeri yang berkuasa mutlak dan berdaulat. Bagi kerajaan pula, konsep ini merujuk kepada satu organisasi besar yang dipimpin raja yang dibantu oleh pembesar dalam menjalankan pemerintahan terhadap rakyat bagi sesebuah negeri dan jajahan takluknya. Bagi daulat pula, konsep ini merujuk sifat luar biasa pada seorang raja yang dipercayai boleh mendatangkan tulah. Bagi tulah pula, konsep ini merujuk kepada balasan yang diterima oleh seseorang yang tidak menghormati kedaulatan raja. Derhaka pula ialah perbuatan yang bersalahan dengan aturan dan larangan khas raja.

## **Bahagian C: Prosa Melayu Tradisional**

### Soalan 5

Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian berdasarkan petikan “Hikayat Pandawa Lima”. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menjelaskan unsur luar biasa dalam petikan. Kebanyakan calon dapat menjelaskan unsur luar biasa termasuklah cakera menjadi hujan, watak dewa bertukar menjadi api, tujuh lapis bumi sengsara, kemuncak gunung runtuh, segala ikan di laut timbul, segala bintang lari bertempieran, dan para dewa kepanasan sebagai jawapan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menerangkan persengketaan yang wujud antara Maharaja Gatotkaca dengan Maharaja Baladewa. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta pihak yang terlibat, punca persengketaan, dan penyelesaian persengketaan. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan jawapan calon yang mengemukakan sinopsis cerita “Hikayat Pandawa Lima”.

### **Soalan 6**

Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian berdasarkan cerita “Inilah Hikayat Nur Muhammad”. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan unsur alam yang terdapat dalam cerita tersebut. Kebanyakan calon dapat mengemukakan sekurang-kurangnya empat unsur, iaitu tanah, air, api, dan angin. Amat jarang calon dapat menyatakan unsur cahaya sebagai jawapan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon membincangkan aksi Nur Muhammad terhadap unsur alam dalam cerita tersebut. Kebanyakan calon dapat membincangkan sifat angkuh sombong unsur air, api dan angin, serta sifat rendah diri tanah. Sekali gus calon berjaya mengemukakan aksi Nur Muhammad ketika bertemu dengan keempat-empat unsur alam tersebut.

### **Bahagian D: Puisi Melayu Tradisional**

#### **Soalan 7**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan persoalan dalam puisi ghazal yang berjudul “Kekasih”. Dalam membincangkan persoalan puisi itu, terlebih dahulu calon hendaklah memahami maksud “Kekasih” yang digunakan oleh pengarang. Kekasih di sini dimaksudkan kepada Allah. Hampir keseluruhan jawapan calon untuk soalan ini tidak mengaitkan “Kekasih” itu dengan maksud Allah, sebaliknya mereka merujuk kepada kekasih biasa (manusia) atau ilmu. Oleh itu, calon tidak mendapat markah untuk soalan ini. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah Allah adalah segala-galanya bagi manusia, hidup tidak bermakna tanpa Allah, Allah memberikan kegembiraan, dan sebagainya.

#### **Soalan 8**

Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian berdasarkan puisi peribahasa berangkap. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menjelaskan gaya bahasa dalam puisi. Kebanyakan calon dapat menjelaskan gaya bahasa seperti anafora, responsif, asonansi, aliterasi, rima akhir, dan personifikasi sebagai jawapan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon membincangkan mesej dalam puisi. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah manusia mati meninggalkan adat pusaka, manusia hendaklah bersiap sedia menghadapi segala kemungkinan, manusia mempunyai berbagai-bagai ragam, melakukan pekerjaan hendaklah berdasarkan kepakaran, melakukan pekerjaan mengikut kemampuan, menjaga tingkah laku semasa di perantauan, dan mengajak kita supaya jangan membuat aib malu.

### **KERTAS 922/2 (KESUSASTERAAN MELAYU MODEN)**

#### ***Komen am***

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon bagi kertas ini pada tahun ini adalah lemah. Antara kelemahan jawapan calon yang dikesan termasuklah tidak dapat mengemukakan fakta dengan tepat, terutamanya

dalam Bahagian A dan tidak menguasai kata tugas yang digunakan dalam soalan, seperti bincangkan. Kebanyakan jawapan calon tidak membincangkan isi-isi yang dikemukakan, sebaliknya jawapan calon lebih tertumpu kepada menghuraikan atau menjelaskan isi.

### **Komen soalan demi soalan**

#### **Bahagian A: Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden dan Kritikan Sastera**

##### **Soalan 1**

Soalan ini terbahagi kepada tiga bahagian berdasarkan karya *Hikayat Abdullah* dan *Kisah Pelayaran Abdullah* oleh Abdullah Munshi. Soalan bahagian (a) menghendaki calon membincangkan aspek pembaharuan dalam karya tersebut. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan fakta dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah memperkenalkan autobiografi, kisah yang berpijak di alam nyata, latar cerita yang benar-benar wujud, mengandungi kritikan pengarang, dan sebagainya.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menjelaskan faktor yang mempengaruhi keberanian beliau melakukan pembaharuan dalam karya tersebut. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah latar belakang keluarga, penguasaan pelbagai bahasa, pergaulan luas, kemerosotan kuasa feudal, dan sebagainya.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menghuraikan pengaruh daripada sastera tradisi dalam karya tersebut. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah judul, gaya bahasa, sisipan puisi tradisional, dan sebagainya.

##### **Soalan 2**

Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian berdasarkan pernyataan bahawa pengkritik sastera tanah air sepatutnya menggunakan pendekatan Melayu berbanding dengan menggunakan pendekatan barat ketika membuat kritikan terhadap hasil karya sastera tanah air. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menghuraikan pendekatan Melayu yang digunakan. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baik disebabkan mereka tidak menguasai pendekatan Melayu. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah teori Pengkaedahan Melayu, Puitika Melayu, Persuratan Baru, Teksdealisme, Konseptual Kata Kunci, dan sebagainya.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon membincangkan kepentingan pendekatan Melayu yang digunakan oleh pengkritik. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah falsafah atau pandangan hidup yang berbeza, mengantarabangsakan pendekatan Melayu, dan sebagainya.

#### **Bahagian B: Novel dan Cerpen**

##### **Soalan 3**

Soalan ini terbahagi kepada tiga bahagian berdasarkan petikan daripada novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menghuraikan sikap “aku” seperti yang terdapat dalam petikan. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah berani, tegas, simpati, dan sebagainya.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menjelaskan peristiwa yang berlaku sebelum dialog dalam petikan. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan tentang peristiwa yang berlaku. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah mendapat surat daripada Mahani, menghantar surat kepada ayah, membantah rancangan ayah, dan sebagainya.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menjelaskan perkara yang “ayah” terima sebagai penyelesaian konflik antara “aku” dengan “ayah” selepas “aku” pulang. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah menerima gagasan yang dicadangkan oleh Lebai Maarup yang mewakafkan tanah pusakanya, menerima cadangan Rahim untuk dilantik sebagai Pegawai Pengurusan Lombong, dan sebagainya.

#### **Soalan 4**

Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian yang berdasarkan petikan cerpen “Garis Panorama”. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menjelaskan alasan sebab-sebab dia mengatakan bahawa “Dia tidak ada pilihan”. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah satu-satunya tanah perkuburan, maruah diri, diberi kepercayaan, dan sebagainya.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon membincangkan mesej yang terdapat dalam cerpen tersebut. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Hal ini disebabkan jawapan calon tidak dapat memahami kata tugas yang digunakan dalam soalan. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah menghormati orang yang lebih tua merupakan amalan mulia, sanggup mempertahankan hak merupakan satu kewajipan, dan sebagainya.

### **Bahagian C: Drama**

#### **Soalan 5**

Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian berdasarkan drama “Lawyer Dahlan”. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menghuraikan contoh budaya Barat yang diamalkan Dahlan dan Rahimah. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah pergaulan bebas, berpesta, gaya pertuturan, dan sebagainya.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon membincangkan kesan negatif budaya Barat yang terdapat pada Dahlan. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah suka berfoya-foya, mengabaikan tanggungjawab, pecah amanah, dan sebagainya.

#### **Soalan 6**

Soalan ini berdasarkan petikan dalam drama “Malam ini Penyu Menangis”. Soalan ini menghendaki calon membincangkan keperibadian watak yang dimaksudkan dalam petikan. Kebanyakan calon tidak membincangkan fakta-fakta yang dikemukakan, sebaliknya lebih kepada menghuraikan atau menjelaskan fakta-fakta itu. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah setia, tabah, gigih, iman, dan sebagainya.

### **Bahagian D: Sajak**

#### **Soalan 7**

Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian yang berdasarkan sajak “Bulan Berdarah”. Soalan bahagian (a)

menghendaki calon menghuraikan perasaan penyajak berdasarkan tanggapannya terhadap bulan. Kebanyakan calon memberikan tafsiran yang salah tentang perasaan penyajak terhadap bulan. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah perasaan gembira, sayu, cinta, dan sebagainya.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon membincangkan mesej yang terdapat dalam sajak. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah membuat seruan agar berjuang mempertahankan Islam, mengharapkan masyarakat bertoleransi dalam menghadapi sengketa, jangan mudah berputus asa apabila menghadapi masalah, dan sebagainya.

### **Soalan 8**

Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian berdasarkan sajak “[www.sibermerdeka.com.my](http://www.sibermerdeka.com.my)”. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menjelaskan harapan penyair yang terdapat dalam sajak. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah membebaskan minda rakyat di tanah air, mengenal batas diri, menjadi manusia yang berguna, dan sebagainya.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menghuraikan bentuk perulangan kata yang memperlihatkan nilai-nilai estetikanya dalam sajak. Kebanyakan calon dapat mengemukakan perulangan kata di awal baris dalam rangkap, perulangan kata di akhir baris dalam rangkap, dan perulangan kata di tengah baris dalam rangkap sebagai jawapan.